

TINGKAH LAKU PENGUNDIAN ETNIK MELAYU PADA PILIHAN RAYA UMUM KE-14

(Voting Behavior Of Malay Ethnic In 14th General Election)

Muhammad Marwan M.Shukrimun & Supyan Hussin

ABSTRAK

Buat pertama kali dalam sejarah negara, UMNO/BN tumbang dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14). Banyak kerusi yang gagal dipertahankan termasuklah kawasan yang memiliki jumlah pengundi Melayu yang ramai. Perkara ini menimbulkan persoalan, adakah pengundi Melayu sudah tidak memilih parti berteraskan Melayu seperti UMNO? Kajian ini bertujuan melihat faktor yang mendorong pengundi Melayu melakukan perubahan dalam PRU-14. Kajian dilakukan secara kualitatif melalui temubual melibatkan responden yang menjadi pemegang taruh politik dan juga pakar politik negara. Secara umumnya, responden berpandangan rata-rata pengundi Melayu masih mengundi parti berteraskan Melayu atas faktor identifikasi parti dan sosiologi. Walau bagaimanapun, isu-isu yang berbangkit pada PRU-14 menepati teori pilihan rasional apabila ia turut mempengaruhi sebilangan pengundi Melayu. Kesimpulannya, pendekatan politik keetnikan kepada kaum Melayu masih relevan sebagai kaedah meraih undi etnik Melayu. Namun faktor-faktor lain juga perlu diambil kira agar mendapat sokongan yang optimum. Kajian lanjut juga perlu dilakukan terutama terhadap pengundi di lapangan.

Kata kunci: Pilihan Raya, PRU-14, tingkah laku pengundian, UMNO, BN, PAS, etnik Melayu

ABSTRACT

For the first time in history, UMNO/BN fell in the 14th General Election (GE14). Many seats fail to be maintained including areas with many Malay voters. This raises the question, have Malay voters no longer favouring a Malay -based party like UMNO? This study aims to look at the factors that motivate Malay voters to make changes in GE-14. The study was conducted qualitatively through interviews involving respondents who are political stakeholders and also national political experts. In general, respondents are of the view that the average Malay voter still votes for Malay-based parties due to party identification and sociological factors. However, the issues that arose in the GE-14 fit the theory of rational choice when it also affected a number of Malay voters. In conclusion, the ethnic-based political approach is still relevant as a method of gaining ethnic Malay votes, but other factors must also be taken into account in order to get optimal support. Further research also needs to be done especially on voters themselves in the field.

Keywords: election, GE14, voting behavior, UMNO, BN, PAS, Malays

PENDAHULUAN

Keputusan PRU14 yang diumumkan pada 10 Mei 2018 mengejutkan ramai pihak di negara ini khususnya. Buat pertama kali dalam sejarah negara, UMNO tidak berjaya menjadi kerajaan persekutuan. Barisan Nasional (BN) yang menjadi gabungan parti pemerintah sejak tahun 1971 (sebelumnya Perikatan) akhirnya tewas dengan hanya memperoleh 79 kerusi pada PRU14 yang lalu berbanding 133 pada PRU13. UMNO sebagai tonggak utama gabungan tersebut pula hanya memperoleh 54 kerusi berbanding 88 pada PRU 14 yang lalu. Selain itu, BN juga hanya mampu mengekalkan kemenangan di Pahang dan Perlis sahaja. (Suruhanjaya Pilihan raya, 2018).

Begitu juga dengan PAS. Walaupun mereka bertanding sebanyak 158 kerusi Parlimen pada PRU14 yang lalu, namun mereka hanya mampu memperoleh sebanyak 18 kerusi sahaja selain memerintah Kelantan dan Terengganu. Ini berbeza dengan prestasi PRU13 pada tahun 2013 yang mana mereka berjaya memenangi sebanyak 21 kerusi di seluruh Malaysia, dan. Mereka turut berjaya memerintah di Kelantan, selain bersama kerajaan Pakatan Rakyat (PR) memerintah Perak, Selangor dan Pulau Pinang.

Jika diperhatikan di peringkat Parlimen, kebanyakan kerusi yang ditandingi UMNO adalah melibatkan kerusi yang memiliki peratusan Melayu tinggi melebihi 80% seperti kebanyakan kerusi-kerusi di Kelantan dan Terengganu. Manakala pesaing utamanya sejak zaman berzaman adalah PAS. Ini kerana mereka mudah menggunakan pendekatan politik etnik Melayu terutama di kawasan yang memiliki peratusan Melayu yang tinggi tanpa perlu bimbang kesan negatif daripada kaum lain yang sedikit. Walaubagaimanapun pada PRU kali ini, dua parti Melayu terbesar ini ditolak oleh pengundi di beberapa kawasan Melayu melebihi 80% seperti di Parlimen P. 002 Kangar, Perlis yang memiliki 82% pengundi Melayu, P. 004 Langkawi (90%), P. 005 Jerlun (91%) P. 006 Kubang Pasu (86%) dan P. 006 Pokok Sena (81%) di negeri Kedah.

Di kerusi Kangar sebagai contoh, Parlimen tersebut telah dimenangi buat kali pertama oleh PH menerusi parti PKR. Mereka berjaya memperoleh 37.4% sokongan dengan jumlah sebanyak 20,909 undi, meninggalkan calon PAS dan BN dengan majoriti 1,438 undi. Di peringkat DUN dalam Parlimen Kangar pula, PH telah memenangi 3 dari 5 DUN. N. 07 Sena yang memiliki 87% pengundi Melayu dimenangi oleh PKR dengan 4177 undi (34%), menjadikan majoriti kemenangan sebanyak 314 undi. N. 09 Kuala Perlis pula yang memiliki 79% pengundi Melayu dimenangi oleh calon PKR dengan 4,253 undi (40%), menjadikan majoriti kemenangan sebanyak 1,254 undi. Keputusan PRU14 secara keseluruhannya menimbulkan satu persoalan baru berkaitan kelestarian politik berasaskan etnik.

Jika dibandingkan PRU 14 dengan kesemua Pilihan Raya Umum yang berlaku sebelum ini, PRU 14 telah merubah iklim politik tanahair buat kali pertama dalam sejarah. Walaupun BN dan PAS dikesan masih menggunakan politik etnik sebagai pendekatan menarik sokongan, namun prestasi keduanya makin merosot sehingga mengakibatkan kekalahan BN di peringkat persekutuan. Perkara ini agak menghairankan kerana jika diambil kira beberapa parameter, sepatutnya BN lebih selesa pada PRU14 kali ini. Contohnya mengikut perangkaan terkini, populasi Melayu telah bertambah (Jabatan Perangkaan Negara, 2018). Begitu juga dari aspek persempadanan pilihanraya, persempadanan semula lokaliti yang dibuat pada 2018 seluruh negara juga menyaksikan pertambahan kerusi majoriti Melayu dengan agak banyak, mengurangkan jumlah kerusi campuran etnik. Pengarah Strategi DAP Ong Kian Ming (2018) telah mendakwa bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menggunakan pendekatan gerimander kaum dalam persempadanan tersebut.

Menjelang PRU 14 kali ini juga, pembangkang berhadapan dengan perpecahan apabila Pakatan Rakyat (PR) yang dianggotai oleh PAS, PKR dan DAP telah terubur. Perkara ini bermula apabila Dewan Ulama PAS meluluskan usul dalam muktamar mereka untuk memutuskan hubungan dengan DAP (Sinar Harian, 2015). Ekoran daripada itu, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng mengumumkan PR sudah terubur (Lim Guan Eng, 2015). Selepas daripada itu, hubungan PAS dengan Umno menjadi semakin rapat walaupun tiada sebarang kerjasama rasmi diadakan (Astro Awani, 2016). Keadaan ini juga tentunya memberi kelebihan besar kepada BN bagi menghadapi PRU 14.

Walaupun bagaimanapun, keputusan PRU 14 mencatatkan BN mengalami kekalahan yang sangat teruk apabila hanya mampu menang 79 daripada semua 222 Parlimen yang ditandingi seluruh Malaysia. Ia merosot sebanyak 54 kerusi daripada jumlah 133 yang dimenangi pada PRU 13. Daripada 79 kerusi yang dimenangi itu pula, kebanyakan kerusi mengalami penurunan sokongan yang signifikan. UMNO yang banyak menandingi kerusi majoriti Melayu turut kehilangan sokongan yang banyak. Pada PRU 13, daripada 49 kerusi Parlimen yang memiliki komposisi Melayu melebihi 80%, UMNO memenangi 35 kerusi sementara bakinya sebanyak 14 kerusi dimenangi oleh PAS. Walaubagaimanapun pada PRU 14, UMNO kehilangan 8 kerusi menjadikan jumlahnya 27 sahaja. PAS pula menambah 3 lagi kerusi menjadi 17. Baki 5 kerusi telah berjaya dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH).

UMNO dan PAS dianggap sebagai parti politik yang mewakili kepentingan Melayu. Tetapi dengan kekalahan mereka di lima kerusi majoriti Melayu tersebut (Kangar, Jerlun, Kubang Pasu, Pokok Sena dan Langkawi) telah menimbulkan beberapa persoalan. Benarkah hanya PAS dan UMNO sahaja yang dianggap oleh pengundi sebagai parti yang mewakili kaum Melayu? PH dikenali sebagai sebuah parti yang bersifat universal dan liberal. Namun kemenangan mereka yang diperolehi PH yang di kerusi majoriti Melayu juga menimbulkan persoalan, apakah sebenarnya faktor yang mendorong pengundi Melayu untuk memilih? Timbul juga persoalan, adakah pendekatan politik etnik Melayu yang digunakan oleh UMNO dan PAS bagi meraih sokongan orang Melayu sudah tidak relevan? Segala persoalan ini mendorong supaya kajian dilakukan untuk mengukur kecenderungan terkini pengundi terutama orang Melayu yang menjadi penduduk majoriti di negara ini.

FAKTOR PENGUNDIAN

Pengundian adalah salah satu antara proses politik yang sangat penting di mana-mana negara. Keterlibatan rakyat dalam pengundian adalah paling ramai jika dibandingkan dalam kegiatan-kegiatan politik yang lain. Walaupun hanya sebahagian kecil rakyat yang terlibat sebagai ahli kumpulan pendesak atau parti politik, tetapi sewaktu pilihanraya golongan yang boleh dikatakan tidak peduli terhadap politik (apolitical) turut keluar menjalankan tanggungjawab mengundi. Oleh kerana itu, parti-parti politik dan kumpulan pendesak telah menjadikan pilihanraya sebagai fokus utama aktiviti mereka walaupun ia hanya berlangsung beberapa tahun sekali (K.Ramanathan, 2013).

Terdapat berbagai faktor yang menentukan pilihan pengundi sewaktu pilihanraya. Para pengkaji sains politik seringkali melakukan kajian bagi memahami tingkah laku semasa pengundi bagi meramalkan keputusan pilihanraya yang akan berlaku. Atas dasar itu, berbagai teori telah diperkenalkan oleh para sarjana dalam memahami tingkahlaku tersebut. Menurut Campbell (1960), Barry (1970), Goodin (1976), Abramson, Aldrich dan Rohde (1982), Ghazali Mayudin (2006) dan Fuad Jali (2018), terdapat tiga teori utama yang sering menjadi perbincangan sarjana sains politik iaitu teori identifikasi parti, sosiologikal dan pilihan rasional.

TEORI SOSIOLOGIKAL

Pendekatan sosiologikal diperkenalkan hasil kajian penyelidikan Universiti Colombia terhadap pilihanraya presiden tahun 1940 di Amerika Syarikat. Dalam kajian tersebut, mereka mendapati pola pengundian mempunyai kaitan yang rapat dengan aspek-aspek sosioekonomi, pendidikan, pendapatan, kelas, agama, etnik dan geografi. Misalnya dari segi kelas, didapati bahawa golongan kelas bawahan dan pertengahan cenderung memilih Parti Demokrat berbanding Republikan yang menjadi pilihan ramai golongan atasan. (Lipset, 1960) Begitu juga dari segi agama, penganut Protestan lebih cenderung untuk memilih parti Republikan berbanding penganut Katolik (Lazarfield, 1968).

Pendapat Abramson, Aldrich dan Rohde (1982) adalah serupa apabila beliau menjelaskan bahawa pendekatan sosiologi adalah berdasarkan kepada beberapa faktor yang berkaitan dengan aspek-aspek sosial yang boleh mempengaruhi tingkah laku pengundi dalam pilihanraya. Menurut mereka:

Individuals can be viewed primarily as members of social groups. Voters belong to primarily groups of family members and peers; secondary groups, such as private clubs, trade unions, or voluntary associations; and broader reference group, such as social classes and ethnic groups. Understanding the political behaviour of these groups is the key to understanding voting itself.

Individu secara umumnya boleh dilihat sebagai ahli kumpulan sosial. Pengundi itu sendiri terdiri daripada kumpulan ahli keluarga dan rakan sebaya; kumpulan menengah, seperti kelab persendirian, kesatuan sekerja, atau persatuan sukarela; dan kumpulan rujukan yang lebih luas, seperti kelas sosial dan kumpulan etnik. Memahami tingkah laku politik kumpulan-kumpulan ini adalah kunci untuk memahami tingkahlaku pengundian itu sendiri.

Terdapat sarjana lain yang turut menyenaraikan faktor jantina, umur, kelas sosial, status, pekerjaan, kumpulan perniagaan, etnik, agama dan keluarga sebagai kumpulan yang harus diperhatikan dalam memahami tingkahlaku pengundi. Schwartz (1990) telah mengaitkan faktor jantina dan umur dalam pendekatan memahami tingkah laku pengundian. Grunberg (1988) menambah kumpulan-kumpulan sosial seperti kelas, status, pekerjaan dan kumpulan perniagaan boleh mempengaruhi tingkah laku pengundi. Manakala Mark (1993) pula melihat pendekatan sosiologikal sangat relevan dalam memahami tingkah laku pengundian terutama elemen-elemen sosial penting seperti etnik, agama, kelas dan keluarga.

Kelas sosial dan kelompok sosial juga boleh dikategorikan dalam pendekatan sosiologikal. Kelas sosial merujuk kepada masyarakat mengikut kategori bawahan atau marhaen, pertengahan dan atasan ataupun elitis. Kelompok sosial pula difahami sebagai anggota masyarakat mengikut aspek kaum seperti Melayu, Cina dan India ataupun aspek agama seperti Islam, Budhha dan Hindu serta aspek geografi seperti bandar, luar bandar dan pinggir bandar. Perkara ini dijelaskan oleh Bottomore (1979) yang mengaitkan aspek-aspek sosial dengan pilihanraya. Beliau berpandangan bahawa perjuangan atau aktiviti melalui pertubuhan atau kumpulan lebih berkesan berbanding secara individual kerana ia akan saling mempengaruhi sesama mereka dalam tingkah laku pengundian.

Realiti di Malaysia boleh dilihat menyokong teori ini. Dari PRU pertama sehingga PRU ke 10, parti pemerintah lebih banyak menguasai kawasan bandar yang didiami oleh kelas sosial pertengahan dan atasan sementara sokongan kepada pembangkang pula lebih banyak tertumpu di kawasan luar bandar dan pedalaman yang menjadi kediaman golongan kelas bawahan. Namun selepas itu sehingga sebelum PRU14 kawasan bandar yang didiami oleh golongan

pertengahan dan atasan lebih cenderung memilih pembangkang sementara pemerintahan mampu bertahan kerana sokongan di kawasan luar bandar.

Walau bagaimanapun, teori ini tidak boleh dianggap sebagai satu-satunya teori yang baik dalam memahami tingkah laku pengundian terutama di negara kita. Ini kerana pada PRU14 yang lalu, walaupun kebanyakan kawasan Parlimen majoriti Melayu masih memberikan sokongan sama ada kepada UMNO mahupun PAS yang dikenali sebagai parti yang memperjuangkan kepentingan Melayu, masih terdapat beberapa kawasan Parlimen yang majoriti Melayu seperti di Langkawi dan Kangar dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH) yang dilihat tidak mewakili kepentingan Melayu. Justeru itu, pendekatan-pendekatan lain dalam memahami tingkah laku pengundian perlu untuk dilihat sama.

TEORI IDENTIFIKASI PARTI

Teori ini diperkenalkan oleh Campbell dan para pengkaji psikologi sosial daripada Universiti Michigan di Amerika Syarikat bermula tahun 1950an. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Campbell et Al. (1960), pengundi mempunyai kesetiaan yang berpanjangan terhadap sesebuah parti dan ini mempengaruhi sikap dan tingkah laku politik di samping sentiasa mengundi parti berkenaan setiap kali pilihanraya. Dengan kata lain, pengundi mengidentifikasikan diri mereka dan ini mempengaruhi serta menentukan sikap dan tingkahlaku pengundi. Campbell et al. (1960) menyimpulkan bahawa:

...we find a picture characterized more by stability than by change-not by rigid, immutable fixation on one party rather than other, but by a persistent adherence and a resistance to contrary influence.

kami mendapati tingkahlaku pengundian lebih bercirikan kepada kestabilan berbanding kepada perubahan, tidak berubah pada satu pihak daripada yang lain, tetapi lebih kepada kepatuhan berterusan dan penentangan terhadap pengaruh yang berlawanan.

Aspek-aspek lain seperti calon dan isu, mungkin mempengaruhi pengundi semasa pilihanraya tetapi ini dianggap sementara dan tidak menjejaskan kesetiaan dan identifikasi ke atas parti berkenaan. Campbell menyimpulkan bahawa bilangan yang berkelakuan sedemikian adalah kecil sedangkan sebahagian besarnya terus setia dan mengundi parti berkenaan.

Latarbelakang keluarga dan masyarakat setempat memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pembentukan identifikasi parti seseorang. Sekiranya ibubapa merupakan penyokong kuat sesebuah parti, maka terdapat kemungkinan yang besar bahawa sokongan tersebut akan turut diwarisi oleh anak-anak. Campbell menamakan ibu bapa, rakan dan masyarakat sekeliling sebagai agen sosialisasi.

Campbell dan kumpulan pengkaji Michigan (1962) melihat pembentukan identifikasi ini berlaku berdasarkan kajian lapangan terhadap responden di Amerika Syarikat. Hasil kajian tersebut menunjukkan dalam keluarga yang aktif dalam politik dan menyokong parti Demokratik, 79% anak-anak dalam keluarga tersebut adalah juga menyokong parti Demokratik. Begitu juga keluarga yang aktif dan menyokong parti Republikan, sebanyak 71% anak-anak dalam keluarga berkenaan merupakan penyokong parti Republikan.

Dalam konteks Malaysia, perkara ini juga boleh dikatakan serupa. Terdapat beberapa kawasan yang dikatakan sebagai kawasan tradisi parti-parti tertentu kerana parti tersebut telah memenangi kawasan tersebut hampir setiap kali pilihanraya berlangsung. Contohnya di kebanyakan kerusi DUN mahupun Parlimen di Kelantan, kebanyakannya telah memilih PAS

sejak pilihanraya umum pertama diadakan lagi. Walaupun pengundi pilihanraya pertama hampir kesemuanya sudah meninggal dunia, namun ahli keluarganya mewarisi sokongan terhadap PAS sehingga PRU14.

Teori identifikasi parti yang diperkenalkan oleh Campbell dan kumpulan pengkaji Michigan telah membuka lembaran baharu dalam pengkajian aspek tingkah laku pengundi. Kesetiaan sesuatu pihak terhadap sesebuah parti amat jelas dilihat berlaku dalam tingkahlaku pengundian individu. Jensen (1972) menerusi kajiannya di Illinois dan Indiana, Amerika Syarikat tahun 1877 mendapati bahawa pendekatan identifikasi parti sangat relevan dalam memahami tingkah laku pengundi. Ini kerana hasil kajiannya mendapati bahawa 90% pengundi kristian bermazhab Katolik telah memilih parti Demokrat sementara 90% juga pengundi kristian bermazhab Metodist telah mengundi parti Republikan di bandar Genesco.

Begitu juga dengan Flanigan dan Zingales (1975) yang menjelaskan bahawa pendekatan identifikasi parti adalah sangat penting dalam memahami tingkah laku pengundian. Menurut beliau, identifikasi parti adalah merujuk kepada tahap ketaatsetiaan terhadap sesebuah parti politik dan wujudnya perasaan simpati seseorang pengundi terhadap parti politik tertentu.

Butler dan Stokes (1976) pula menerangkan bahawa pendekatan identifikasi parti sebagai hubungan antara pengundi dan parti politik. Hubungan ini dilihat sebagai saling berhubungan dan berkaitan antara satu sama lain. Pengundi akan sentiasa merasakan sesebuah parti yang disokong sebagai sebahagian dari hidupnya berbanding parti lain terutama parti yang berkuasa dan telah berjasa kepadanya sebagai seorang rakyat.

Pandangan Ghazali Mayudin (2006) lebih jelas dengan realiti di Malaysia apabila beliau mengaitkan identifikasi parti dengan sokongan kuat orang Melayu terhadap UMNO yang dikenali sebagai sebuah parti politik yang berteraskan agenda Melayu. Atas asas inilah, UMNO dan BN berjaya memenangi pilihanraya sejak awal diperkenalkan hinggalah ke pilihanraya ke 13.

Walaupun bagaimanapun, teori ini tidak dapat lari daripada sebarang kritikan. Goldberg (1969) serta Butler dan Stokes (1976) mendapati bahawa aspek kepentingan pengundi memainkan peranan dalam menentukan dan mengekalkan identifikasi parti. Apabila pengundi telah yakin sesebuah parti itu akan memenuhi keperluan mereka, maka ia akan mengundi parti itu tanpa mengambil kira isu yang dibangkitkan. Dengan kata lain, kesetiaan dan sokongan yang diberikan itu bukanlah diberikan secara membuta tuli tanpa sebarang pertimbangan. Kebolehan sesebuah parti untuk memenuhi keperluan mereka, dalam berbagai bentuk, sama ada jangka pendek atau jangka panjang, menjadi asas kepada sokongan yang diberikan itu.

Kajian yang dibuat oleh Franklin (1984) mendapati identifikasi parti bukanlah sesuatu yang kekal tetapi boleh berubah mengikut faktor umur dan kematangan seseorang. Menurutnya, apabila seseorang pengundi mencapai umur 25 tahun, mereka akan menilai kembali sokongan yang diberikan kepada sesebuah parti mengikut kepentingan yang mereka peroleh.

Fiorina (1981) pula mendapati bahawa pengundian dan kesetiaan berkait rapat dengan prestasi sesebuah parti. Bagi mereka yang mengikuti perkembangan semasa dari sudut ekonomi, kemungkinan mereka akan menyokong parti pemerintah jika ekonomi negara memberangsangkan. Jika tidak, mereka mungkin akan menyokong parti pembangkang pula. Ini memberi maksud bahawa identifikasi seseorang terhadap sesebuah parti bukanlah bersifat mutlak sebaliknya bersyarat.

Kritikan-kritikan di atas boleh menjelaskan lagi tentang fenomena yang berlaku pada PRU 14 yang lalu. Walaupun BN dipercayai mendapat sokongan sejak PRU pertama berasaskan teori identifikasi parti, namun kekalahan mereka mungkin kerana sokongan yang

diberikan kepada mereka atas dasar menjaga kepentingan Melayu sebelum ini sudah terhakis sebagaimana dakwaan Muhyiddin (2018). Menurut Ibrahim (2018), keputusan PRU-14 dipengaruhi oleh faktor kekecewaan, kemarahan dan emosi rakyat daripada bandar hingga desa yang terbeban dengan kos sara hidup akibat pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

TEORI PILIHAN RASIONAL

Teori ini dipopularkan oleh Downs (1957) yang menyamakan tingkah laku pengundi dengan teori ekonomi. Beliau mengandaikan bahawa pengundi akan mengundi berasaskan pulangan yang mereka akan perolehi daripada satu-satu parti yang dipilih. Mereka akan mengambil kira semua sudut termasuk calon, isu, manifesto dan sebagainya. Sekiranya pulangan yang mereka perolehi tidak berbaloi dengan kos yang mereka tanggung untuk keluar mengundi, maka mereka tidak akan keluar untuk mengundi mana-mana calon.

Downs (1957) turut menjelaskan bahawa pengundi yang rasional akan membuat pilihan berasaskan kepada lima aspek iaitu pertama, seseorang itu mampu membuat keputusan apabila mendapati beberapa pilihan; kedua, seseorang itu dapat menyusun pilihan mengikut keutamaan; ketiga, susunan pilihan tersebut adalah bersifat transitif; keempat, seseorang itu sentiasa memilih pilihan yang mampu dicapai mengikut senarai pilihan raya; dan kelima, seseorang itu sentiasa membuat pilihan yang sama pada setiap masa dia berhadapan dengan situasi dan pilihan yang sama. Hal ini bermaksud, seseorang akan mengundi secara rasional dengan membuat perbandingan antara parti-parti yang bertanding dan kemampuan parti tersebut untuk menang. Sebagai contoh, sekiranya mereka mendapati tawaran daripada parti pembangkang lebih menguntungkan mereka dan dilihat akan menang, mereka akan mengundi parti pembangkang.

Selain itu, beberapa sarjana lain turut menyatakan pandangan yang serupa. Barry (1970) melihat bahawa penyertaan individu dalam politik sebagai tindakan yang berasaskan kepada rasional. Pandangan beliau menepati pandangan Downs (1957) yang mengaitkan pilihan politik dengan pilihan ekonomi. Dalam aspek politik, pilihan dibuat berasaskan kepentingan hak dan kuasa manakala pilihan dalam aspek ekonomi pula dibuat berasaskan kepentingan keuntungan material. Pandangan ini juga dikongsi oleh Goodin (1976), Fiorina (1981) dan Budge (1983). Hubungan antara politik dan ekonomi dari sudut pilihan amat berkait rapat kerana sesuatu pilihan yang rasional dalam politik akan menatijahkan keuntungan dari sudut ekonomi (Barry, 1970).

Colomer (1992) telah menjelaskan pendekatan pilihan rasional dalam tingkah laku pengundi boleh dikaitkan dengan faktor-faktor ekonomi. Beliau berpendapat pilihan rasional pengundi adalah berdasarkan pertimbangan antara kos dan faedah. Pandangan ini disokong oleh Lewis-Beck (2000) apabila menyatakan pengundi akan melihat beberapa aspek yang boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka seperti insentif, kebajikan dan polisi yang mendatangkan manfaat kepada mereka. Alvarez (2000) juga mengatakan perkara yang serupa apabila menganggap aspek kewangan individu menjadi faktor penting dan signifikan dalam tingkah laku pengundi.

Teori pilihan rasional mungkin menjadi teori yang popular bagi mereka yang berpandangan faktor kekalahan BN pada PRU14 adalah disebabkan isu-isu ekonomi. Sepanjang kempen PRU14 yang lalu, pembangkang dilihat memainkan isu-isu ekonomi secara meluas seperti isu GST, 1MDB, kenaikan harga barang, penurunan harga sawit sebagai bahan untuk mengkritik kerajaan. Pembangkang terutama PH juga menjadikan ekonomi sebagai

manifesto pilihanraya dengan menawarkan penghapusan GST, menurunkan harga minyak dan memansuhkan PTPTN.

Di beberapa kawasan pilihanraya Malaysia, parti-parti yang memenangi pilihanraya seringkali bertukar ganti. Kelantan, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang direkodkan mengalami perubahan parti pemerintah beberapa kali walaupun secara sosiologikalnya, tidak berlaku perubahan yang ketara di negeri-negeri terbabit. Dengan kata lain, pengundi sentiasa mengundi berasaskan rasional yang difikirkan, parti manakah yang boleh menawarkan kepada mereka pulangan terbaik dan tidak terlalu dipengaruhi oleh faktor sosiologikal mahupun identifikasi parti.

Kesimpulan daripada perbincangan di atas, satu-satu teori atau pendekatan sahaja tidak dapat menggambarkan pola tingkah laku pengundian secara tepat. Terdapat individu yang mengundi berdasarkan kesetiaan kepada parti seperti yang dimaksudkan oleh teori identifikasi parti. Namun di sana terdapat juga pengundi yang mengundi kerana terpengaruh dengan orang sekeliling (sosiologikal) serta terdapat juga yang mengundi berdasarkan manifesto, isu semasa dan kredibiliti calon seperti yang dinyatakan oleh pendokong teori pilihan rasional. Oleh itu gabung jalin antara teori-teori ini perlu dibuat dalam merangka metodologi kajian bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih jelas dan konkrit.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan iaitu dalam bentuk temubual mendalam terhadap beberapa responden terpilih mengikut kes kajian. Menurut Stake, (1995) dan Yin, (2012), temubual bagi kajian kes adalah reka bentuk yang terdapat di banyak bidang terutama penilaian, di mana penyelidik membuat analisis mendalam mengenai suatu kes, program, peristiwa, kegiatan, proses melibatkan satu atau lebih banyak individu. Kes dibatasi oleh masa dan aktiviti, dan penyelidik mengumpulkan maklumat terperinci menggunakan pelbagai prosedur pengumpulan data dalam jangka masa yang lama.

Responden yang diperolehi daripada hasil temubual pula seramai empat orang mewakili berbagai latarbelakang. Dua daripadanya adalah ahli akademik dalam bidang sains politik manakala dua yang lain adalah ahli politik di kawasan kajian. Kesemua empat responden dianggap berwibawa kerana terlibat secara langsung dalam medan politik, sama ada sebagai ahli akademik yang banyak membuat kajian mengenai politik di Malaysia mahupun mereka yang bukan ahli akademik tetapi pemegang taruh utama dalam parti.

R1 merupakan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang sains politik. Mantan Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Beliau berkhidmat 36 tahun sebagai ahli akademik di UKM hingga sekarang. Beliau dipilih kerana kepakarannya dalam bidang sains politik yang menjadi bidang utama kajian ini.

R2 pula merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Teras Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dalam bidang Politik dan Kerajaan. Beliau berkhidmat sejak 7 tahun lalu hingga sekarang di UnisZA. Pemilihan beliau sebagai responden untuk mengimbangi R1 sebagai ahli akademik yang juga terlibat dalam kajian bersifat sains politik.

R3 adalah Pesuruhjaya PAS Perlis. Mula terlibat dalam bidang politik sejak 90an lagi. Menjadi ADUN Sanglang sejak 2013 hingga kini. Beliau dipilih sebagai responden atas faktor keterlibatan beliau di dalam bidang politik ebagai pemimpin utama yang menentukan dasar PAS di negeri Perlis.

R4 pula adalah Setiausaha Agung Badan Perhubungan UMNO Perlis. Juga terlibat dalam bidang politik sejak 90an. Kini menjadi ADUN Santan. Beliau turut dipilih sebagai responden sebagai ahli politik bagi mengimbangi R3.

Dari latar belakang ini, pengkaji berpandangan jumlah empat orang responden mencukupi bagi tujuan kajian yang bersifat kualitatif ini. Menurut Kamarul Azmi (2012), sesuai dengan sifat keluasan dalam reka bentuk pengkajian kualitatif, maka tidak ada penghadan jumlah dan bentuk responden atau informan secara pasti.

Temubual yang dijalankan adalah dalam bentuk semi skruktur terhadap responden. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Benney & Hughes (1970), temubual merupakan instrumen mengumpul data yang paling digemari dalam kajian sosial. Temubual secara semi skruktur ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih lanjut tentang soalan kajian tanpa menyimpang jauh daripada topik. Menurut Leavy (2014), berbanding temubul berskruktur, temubual semi skruktur berpotensi menjadi cara yang lebih baik untuk menghasilkan maklumat dari dialog dengan cara membenarkan pengkaji bertanya soalan tambahan dari apa jua sudut yang dirasakan penting daripada jawapan awal responden. Tambah beliau lagi, pengkaji mampu mengekalkan fokus dalam temubual tersebut dalam topik kajian yang dijalankan berbanding temubual tidak berskruktur.

Soalan temubual dibahagikan kepada empat segmen. Segmen pertama adalah sesi perkenalan di mana pengkaji dan responden memperkenalkan diri dan mengambil maklumat demografi yang berkaitan. Segmen kedua adalah sesi transisi di mana pengkaji bertanyakan soalan mengenai topik PRU14 secara umum sebagai permulaan untuk masuk ke permasalahan kajian.

Pada segmen ketiga, barulah soalan-soalan yang berkait dengan persoalan kajian diajukan iaitu: “Kita lihat pada PRU14 yang lalu, berlaku perubahan besar dalam trend pengundian rakyat Malaysia. Sebagai contoh, kerusi tradisi yang sebelumnya dimenangi oleh UMNO terutama di kawasan majoriti tinggi Melayu turut jatuh ke tangan PH. Pada pendapat responden, apakah faktor yang menyebabkan perubahan pengundi ini berlaku?”

Soalan ini berbentuk semi-skruktur. Sesuai dengan konsep temubual secara mendalam, jawapan daripada soalan di atas akan dikembangkan menjadi soalan-soalan kecil lain bergantung di atas isi jawapan yang diberikan

FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA PERUBAHAN UNDI MELAYU

Hasil kajian yang dijalankan mendapati kepelbagaian pandangan daripada responden dalam menilai faktor yang membawa kepada perubahan undi melayu. Menurut R1, walaupun PRU14 menunjukkan perubahan undi di kalangan pengundi Melayu, namun bagi beliau ia hanya bersifat sementara. Ini disebabkan beberapa faktor antaranya kerana isu yang dimainkan iaitu 1MDB dan GST. Faktor lain yang menyumbang adalah berkait dengan calon yang bertanding tidak diterima di peringkat akar umbi. Satu lagi faktor adalah kemunculan parti-parti baharu yang memberi harapan kepada orang Melayu melalui manifesto-manifesto mereka. Kata R1:

“Saya melihat ada tiga faktor utama perubahan undi Melayu ini. Pertama kerana terpengaruh dengan isu-isu yang dimainkan pembangkang ketika itu contohnya isu penyelewengan 1MDB dan cukai GST. Walaupun masih tidak dapat dipastikan kesahihannya, namun isu ini benar-benar mempengaruhi rakyat. Keduanya adalah berkait isu pemilihan calon. Terdapat calon-calon yang dipilih oleh sesuatu parti yang tidak dipersetujui oleh akar umbi parti berkenaan. Ini menyebabkan undi protes berlaku. Faktor ketiga adalah kemunculan parti-parti

baharu yang turut menampilkan orang Melayu sebagai pemimpin seperti Parti Amanah dan Bersatu. Dengan menawarkan manifesto-manifesto yang hebat, rakyat terpengaruh dengannya.”

Apa yang disebutkan oleh R1 ini menggambarkan tingkahlaku pengundian orang Melayu pada PRU14 didorong oleh pendekatan pilihan rasional. Melalui manifesto yang dijanjikan oleh parti lawan UMNO/PAS, mereka merasakan bakal mendapat keuntungan dalam memilih parti tersebut. Namun apabila beliau menyatakan tingkahlaku ini hanya bersifat sementara, maka dapatlah difahami bahawa pengundi masih lagi cenderung kepada pendekatan identifikasi parti sebagaimana yang diketahui sejak sekian lama. Menurut Campbell (1960), aspek-aspek seperti calon dan isu mungkin mempengaruhi pengundi semasa pilihanraya tetapi ini dianggap sementara dan tidak menjejaskan kesetiaan dan identifikasi ke atas parti berkenaan. Bilangan yang berkelakuan sedemikian adalah kecil sedangkan sebahagian besarnya terus setia dan pengundi parti berkenaan.

Bagi R2 pula, pandangan beliau tidak jauh berbeza dengan R1. Beliau melihat perubahan di kalangan pengundi Melayu berlaku sejak tahun 2008 lagi apabila buat pertama kali dalam sejarah, parti pemerintah tidak berjaya membentuk majoriti dua pertiga di Parlimen. Kepesatan teknologi informasi khususnya media sosial menjadi perubah kepada trend pengundian di kalangan orang Melayu. Menurut R2:

“Fenomena perubahan pengundi Melayu ini bukanlah baru berlaku pada PRU14 ini. bahkan sejak zaman Pak Lah sebagai PM lagi. Tahun 2008, kerajaan hilang majoriti dua pertiga di Parlimen. Penyumbang terbesar fenomena ini adalah media sosial. Waktu itu orang aktif dengan blog. Menyebabkan kadar celik politik di kalangan orang Melayu semakin meningkat terutama di kawasan kampung.”

Jika sebelum ini orang Melayu cenderung memilih parti tanpa mengambil kira faktor calon, namun kebelakangan ini faktor calon mula menjadi asas pertimbangan pengundi. Menurut R1:

“Kalau dulu letak tunggu kayu pun boleh menang. Tapi sekarang rakyat mula melihat kepada siapa calon yang bertanding. Rakyat nak tengok calon yang berwibawa, bersih.”

Apa yang digambarkan oleh R2 ini menunjukkan perubahan tingkah laku pengundi daripada identifikasi parti kepada pilihan rasional. Menurut Fuad (2018), pengundi Melayu besar kemungkinan akan kekal menyokong UMNO atas faktor identifikasi parti. Kenyataan ini secara relatifnya benar kerana kebanyakan kerusi majoriti tinggi Melayu masih dikuasai oleh PAS dan UMNO, namun dapatan yang dinyatakan oleh R2 juga tidak boleh ditolak mentah kerana pada PRU14 yang lalu, lima kerusi yang memiliki majoriti Melayu melebihi 80% telah jatuh ke tangan PH sebagaimana yang dijelaskan pada bab yang lalu.

Mengikut pandangan R3 pula, beliau masih meyakini bahawa orang Melayu masih tidak lari dari UMNO mahupun PAS. Namun atas faktor tuduhan korupsi yang dimainkan terhadap UMNO dan janji manis PH seperti menghapuskan tol dan PTPTN, membuatkan sebahagian anak muda Melayu tertarik dengannya. Walaubagaimanapun, beliau meyakini penyumbang utama kekalahan UMNO dan PAS di Kangar adalah kira-kira 8000 pengundi bukan Melayu di Parlimen tersebut. Kata R3:

“Pengundi Melayu ni, khususnya anak-anak muda mereka tertarik dengan janji-janji ni. Ditambah pula dengan sogokan bahawa ekonomi negara ni kukuh yang boleh menyelesaikan semua masalah ni. Menyebabkan anak-anak muda memang tertarik sungguhlah. Tambahan pula di Kangar ni, terdapat 8000 pengundi bukan Melayu yang menjadi faktor penentu. Kalau di DUN saya, saya dapat maklumat orang-orang cina dapat arahan dari pihak atasan untuk mengundi Pakatan Harapan. Orang Melayu pula dengan janji nak hapus PTPTN. Anak-anak balik kempen minta tolong undi PH untuk selesaikan hutang mereka 40 ribu, 50 ribu, 30 ribu. Begitu juga dengan tol. Ini dua faktor di negeri Perlis ni. Kalau janji-janji lain saya lihat tak berapa popular.”

Pandangan ini seiring dengan situasi yang diceritakan oleh R2 bahawa pengundi Melayu mula beralih kepada pendekatan pilihan rasional tetapi lebih berfokus kepada anak muda dan ibubapa yang terpengaruh dengan kempen daripada anak-anak mereka. Laporan daripada Azmil (2018) juga mengesahkan perkara tersebut apabila melihat pola pengundian golongan belia dalam PRU14 sememangnya sukar dijangka kerana mereka tidak terikat dengan sentimen politik yang melampau. Isu atau sentimen politik perkauman sukar untuk mempengaruhi mereka sebaliknya mereka lebih suka memfokuskan tentang masalah kehidupan seharian.

Golongan belia merupakan golongan yang paling ramai menjadi pengundi atas pagar dan sekali gus bertindak sebagai penentu kemenangan kepada sesebuah parti politik di Malaysia. Perkara ini menepati dapatan yang diperolehi Nur Ellyanis & Junaidi (2020) yang menunjukkan bahawa golongan belia semakin berani berubah jika kemahuan dan aspirasi mereka tidak ditunaikan oleh pemimpin. Disebabkan generasi belia ini pemilik masa depan negara, maka merekalah pemegang taruhan yang terbesar pada masa hadapan..

R4 pula berpandangan isu semasa yang dimainkan oleh pihak pembangkang ketika itu amat berat sehingga membuatkan pengundi khususnya anak muda merasakan perlunya berlaku perubahan. Menurut R4:

“Tsunami ini berlaku ketika isu-isu yang dibuat oleh parti pembangkang terutamanya. Mereka telah memainkan isu-isu seperti 1MDB ketika kempen ketika itu amat berat sehingga rakyat melihat kepada perlunya perubahan. Ini senario yang berlaku. Pembangkang telah menggunakan media maya dengan sepenuhnya dan rakyat terpengaruh. Mereka menggunakan isu-isu seperti 1MDB, korupsi dan sebagainya memperlihatkan UMNO sahaja yang terlibat. Jadi beberapa tahun sebelum pilihanraya perkara ini dibuat dengan begitu hebat sehingga orang-orang muda saluran 3 dan 4 tanpa menapis menerima itu sebagai kebenaran walaupun ketika itu belum diputuskan oleh mahkamah atau disiasat. Rakyat tidak melihat kepada parti atau calon. Rakyat lebih berfikir untuk menghukum UMNO tanpa melihat kepada risiko-risiko ke depan.”

Pandangan R4 ini sejajar dengan R1 yang turut merasakan masalah 1MDB sebagai punca utama. Apabila dilihat daripada data kuantitatif, isu 1MDB mendapat skor tinggi dengan nilai min 4.27 di kalangan pengundi. Ini menunjukkan apa yang didapati daripada data kualitatif seiring dengan dapatan kuantitatif.

Secara rumusan, kesemua responden temubual bersetuju bahawa rakyat terpengaruh dengan isu yang dimainkan. Ini menepati pendekatan pilihan rasional yang mengandaikan pengundi memilih berdasarkan keuntungan yang mereka perolehi (Down, 1957 dan Barry 1970).

Menurut R1 seperti yang dinyatakan di atas, pendekatan pilihan rasional ini hanyalah bersifat sementara dengan maksud pengundi Melayu masih kekal dengan pendekatan identifikasi parti. Sarjana seperti Campbell (1960) berpandangan aspek-aspek lain calon dan isu, mungkin mempengaruhi pengundi semasa pilihanraya tetapi ini dianggap sementara dan tidak menjejaskan kesetiaan dan identifikasi ke atas parti berkenaan. Perkara ini lebih jelas kelihatan apabila keputusan Pilihanraya Kecil (PRK) di beberapa buah kerusi serta Pilihanraya Negeri (PRN) Sabah selepas PRU14 melihatkan sokongan terhadap UMNO dan PAS kembali pulih.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pandangan responden menunjukkan pengundi Melayu secara umumnya dan di pengundi Melayu di Kangar secara khususnya masih didorong oleh sentimen keMelayuan dalam membuat keputusan politik terutama dalam bentuk pengundian. Imej parti yang dianggap sebagai pembela nasib orang Melayu sebagai contohnya masih menjadi antara faktor pemberat yang dipertimbangkan oleh kebanyakan orang Melayu dalam pengundian.

Walaubagaimanapun, mereka turut didorong oleh faktor lain seperti pengaruh orang sekeliling, isu-isu yang dihadapi oleh mereka serta propaganda yang membentuk persepsi mereka. PRU-14 telah menunjukkan terdapat sebilangan orang Melayu yang lebih memilih untuk mengundi parti yang dirasakan lebih memberi keuntungan kepada mereka walaupun parti tersebut tidak berteraskan politik keMelayuan.

Pandangan daripada pemegang taruh dan pakar politik yang dikumpulkan ini dianggap relevan untuk diambil perhatian. Namun kajian lanjut masih perlu dijalankan terutama terhadap pengundi Melayu sendiri secara kuantitatif bagi mengimbangi dapatan ini. Kajian juga perlu sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa bergantung kepada perubahan masa dan situasi.

RUJUKAN

- Abramson, P. R. Aldrich, J. & Rohde, D. W. (1982). *Change And Continuity in the 1980 Elections*, Washington, DC: CQ Press.
- Alvin, Rabuska. (1968). *Ethnic Components of Political Integration in Two Malayan Cities*. Seattle, WA: University of Washington.
- Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi. 2011. Politik etnik Malaysia : Analisis pasca Pilihan Raya Umum ke 12 mengenai sokongan bukan Melayu kepada UMNO dan PAS. *Malaysia Journal of Society and Space*, 2(2), 18-27.
- Azmil Tayeb. (2018). *Pola Pengundian Golongan Muda Sukar Dijangka*. Astro Awani. Di capai di http://www.astroawani.com/berita-politik/pola-pengundian_golongan-muda-sukar-dijangka-penganalisis-politik-174767.
- Becker, H. S., Geer, B. 1957. Participant Observation And Interviewing: A Comparison. *Human Organization*, 16(3), 28-32.
- Benney, M., Hughes, E. C. 1956. Of Sociology And The Interview. Bulmer m. (eds) *Sociological Research Methods*. *American Journal of Sociology*, 62(2). 137-142.
- Berelson, B.R., Lazarsfeld, P.F. & McPhee, W.N. (1954). *Voting: A Study of Opinion Formation In A Presidential Campaign*. Chicago, IL: The University of Chicago Press.
- Bottomore, T. (1979). *Political Sociology*. London: Hutchinson & Co Publishers Ltd.
- Budge I., Crewe I, & Farlie D. (1976). *Party Identification and Beyond*. New York, NY: John Wiley.

- Budge, I, Farlie, D & Laver, M. 1983. What is a Rational Choice?: Shifts of Meaning Within Explanations of Voting and Party Competition. *Electoral Studies And International Journal*, 2 (1). 23-38.
- Butler, D. & Stokes. (1976) *Political Change in Britain*. New York, NY: St. Martin Press.
- Campbell A., Converse P.E. & Stokes D.E. (1960). *The American Voter*. New York, NY: John Wiley.
- Campbell A., Converse P.E., Miller W.E. & Stokes D.E. (1966). *Elections and The Political Order*. New York, NY: John Wiley.
- Colomer, J.M. 1992. Rational Choice Political Theory in Spain. *European Journal of Political Research*, 21 (4). 409-421.
- Dalton, R.J. (2016). *Party Identification and Its Implications*. Oxfordshire: Oxford University Press.
- Downs. (1957). *Dlm. Ghazali Mayudin. Demokrasi & Pilihanraya di Malaysia*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Fiorina M.P. (1981). *Retrospective Voting in American National Elections*. New Haven, CT: Yale University Press.
- Flanigan, William H. (1975). *Political Behavior of The American Electorate*. Boston, MA: Allyn and Bacon Inc.
- Franklin C.H. 1984. Issue Preferences, Socialization and The Evolution of Party Identification. *American Journal of Political Science*, Vol.28 (3). 459-478.
- Fuad Jali (2018). *Forum PTSL: Kelestarian Politik Melayu Pasca PRU-14*. Bangi, Selangor: UKM.
- Furnivall, J.S. (1948). *Colonial Policy and Practice*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gellner, E. (2006). *Nations and Nationalism*. Oxfordshire: Blackwell Publishing,
- Ghazali Mayudin. (1999). *Pengundian dan Identifikasi Parti. In Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya Dalam Konteks Malaysia*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Ghazali Mayudin. (2006). *Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia. Dlm. Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan Dalam Politik Malaysia*. UKM.
- Goldberg A. 1969. Social Determinants and Rationality as Basis of Party Identification. *American Political Science Review*, Vol.63 (1). 5-25.
- Goodin R.E. (1976), *The Politics of Rational Man*. London: John Wiley & Sons.
- Grunberg, G. 1988. Recent Developments In French Electoral Sociology. *Electoral Studies And Internernational Journal*, 7(1). 3-14.
- Ibrahim Ali. (2018). *Dua Punca Kekalahan BN Pada PRU-14*. Utusan Online. Di capai pada pautan <http://www.utusan.com.my/berita/politik/dua-punca-utama-kekalahan-bn-pada-pru-14-1.679549>.
- Jabatan Perangkaan Negara. (2019). *Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2018-2019*. Jabatan Perangkaan Negara.
- Jennings, M.K., Stoker, L. & Bowers, J. (2015). Politics Across Generations: Family Transmission Reexamined. *The Journal of Politics*, Vol 71 (3). 782 – 799.
- Jensen, R. (1972). *The Religious And Occupational Roots of Party Identification: Illinois and Indiana in 1870s. In Voters, Parties, and Elections*. Toronto, Ontario: Xerox College Publishing.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Dlm Kursus Penyelidikan Kualitatif*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kaufmann, C. (2006). *Rational Choice and Progress in the Study of Ethnic Conflict: A Review Essay*. Oxfordshire: Taylor & Francis Publisher.
- Levin, J. & Milgrom, P. (2004). *Introduction to Choice Theory*. Di capai melalui pautan <https://web.stanford.edu/~jdlevin/Econ%20202/Choice%20Theory.pdf>
- Lewis-Beck, M.S., Nadeau, R. & Elias, A. 2008. Economics, Party, and the Vote: Causality Issues and Panel Data. *American Journal of Political Science*, 52(1): 84–95.
- Mark, G.N. 1993. Intra And Extra-Familial Political Socialization: The Australian Case And Changes Over Time, 1967-1990. *Electoral Studies An Internasional Journal*, 12(2). 128-157. Amsterdam: El Sevier Ltd Publisher.

- McGee, T. G. (1962). *The Malayan Elections Of 1959: A Study In Electoral Geography*. Depts. of Geography, University of Singapore and University of Malaya.
- McGann, A. 2016. Voting Choice and Rational Choice. *Oxford Research Encyclopedia of Politics* London: Oxford University Press.
- Muhyiddin Yasin. (2018). *Umno parti gagal, khianat Islam dan Melayu*. Sinar Harian. Di capai melalui pautan <https://www.sinarharian.com.my/politik/umno-parti-gagal-khianat-islam-dan-Melayu-1.877610>.
- Nur Ellyanis Mohd Basori, Junaidi Awang Besar. 2020. Politik Belia Dan Pilihan Raya Umum Ke-14 Di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 17. No.7. 49-65.
- Ong Kian Ming. (2018). *SPR Buat Gerimander Berdasarkan Etnik Di Selangor, Dakwa DAP*. The Malaysian Insight. Di capai melalui pautan <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/32923>.
- Leavy, P. (2014). *The Oxford Handbook of Qualitative Research*. Oxfordshire: Oxford University Press.
- Lim Guan Eng. (2015). Pakatan Harapan Tidak Wujud Lagi. Berita Harian. Di capai melalui pautan <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2015/06/61605/pakatan-rakyat-tidak-wujud-lagi-guan-eng>.
- Rogers, M.L. (1977). *Sungai Raya: A Sociopolitical Study of a Rural Malay Community*. Berkeley, CA: Center for South and Southeast Asia Studies, University of California.
- Schwartz, D.C & Schwartz, S.K. (1975). *New Directions in Political Socialization*. London: MacMillan Publishers.
- Schwartz, Mildred A. (1990). *A Sociological Perspective on Politics*. Hoboken, NJ: Prentice Hall Publisher.
- Stake, R. E. (1995). *The Art Of Case Study Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Sinar Harian. (2015). *Ulama Pas Lulus Usul Putus Hubungan Dengan DAP*. <https://www.sinarharian.com.my/politik/ulama-pas-lulus-usul-putus-hubungan-dengan-dap-1.397320>.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2018). *Keputusan PRU14*. <https://keputusan.spr.gov.my/>.
- Verburg, A.H. (1979). *The Role Of Socio-Economic Status In Determining Voting Behavior In Richmond, VA*. University of Richmond.
- Welsh, B, (2015). *Elections in Malaysia: Voting Behaviour and Electoral Integrity*. In *Routledge Handbooks of Contemporary Malaysia*. Oxfordshire: Routledge.
- Yin, R. K. (2012). *Applications Of Case Study Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

MAKLUMAT PENULIS

MUHAMMAD MARWAN BIN M.SHUKRIMUN

Pelajar Sarjana
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
p94767@siswa.ukm.edu.my

DR. SUPYAN HUSSIN

Profesor Fakulti
Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
supyan@ukm.edu.my